

**Saya Masih Siasat Berita Pesawat MAS Terhempas - Liow
Bernama
July 17, 2014**

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata beliau masih menyiasat berita yang menyatakan pesawat Malaysia telah terhempas di Ukraine berhampiran sempadan Rusia hari ini.

Liow yang ketika ini berada di Beijing berkata demikian kepada Bernama ketika dihubungi beberapa minit selepas berita itu disiarkan oleh Reuters.

"Saya masih meneliti perkara ini, ketika ini. Saya akan memaklumkan perkembangan terkini kepada anda jika ada laporan mengenainya," katanya.

Berdasarkan laporan Reuters, sebuah pesawat Malaysia yang membawa 295 penumpang terhempas di Ukraine berhampiran sempadan Rusia pada Khamis, agensi berita Interfax memetik sumber industri penerbangan sebagai berkata.

Reuters tidak dapat mengesahkan laporan itu.

Laporan Interfax berkata kedudukan pesawat itu terhempas 50km tidak jauh daripada ruang udara Rusia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054392>